



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 16 OKTOBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **245 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **12,259** kes (65.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Sabah (106 kes);
- Selangor (59 kes);
- Kedah (53)
- Wilayah Persekutuan Labuan (8 kes)
- Sarawak (6 kes);
- Melaka (5 kes);
- Terengganu (3 kes);
- Kelantan (3 kes);
- Pahang (1 kes); dan
- Perlis (1).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 16 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **629 kes baharu** telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **18,758 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 6,323 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Jika dilihat pecahan utama jumlah kes hari ini, Negeri Sabah terus mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 489 kes (77.7 peratus). Lebih banyak keputusan makmal telah diperolehi. Makmal di Sabah misalnya, telah menjalankan 3,296 ujian semalam dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah membantu menghantar 5,340 sampel ke Semenanjung Malaysia untuk diproses segera. Manakala, negeri-negeri di Lembah Klang pula merangkumi 9.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, iaitu Negeri Selangor mencatat 50 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur lapan (8) kes dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dua (2) kes. Kesemua negeri-negeri ini adalah dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Secara keseluruhan, sebanyak 38 kes (6 peratus) pada hari ini adalah daripada Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai. Kes-kes ini sememangnya terasing di dalam penjara.

Ingin dimaklumkan daripada 629 kes baharu yang dilaporkan, terdapat **dua (2) kes** import yang telah mendapat **jangkitan dari luar negara** yang kesemuanya melibatkan warganegara iaitu dari negara:

- New Zealand (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); dan
- Singapura (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Daripada 627 kes **penularan di dalam negara**, 577 kes adalah warganegara Malaysia dan 50 kes adalah bukan warganegara.

Daripada jumlah keseluruhan kes hari ini, 16 kes merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah, yang menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 adalah sebanyak 437 kes.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 489 kes**

- 260 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- 71 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
- 158 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 50 kes**

- 25 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Lapan (8) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Merbok**;
- Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Enam (6) kes daripada saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 33 kes**

- 32 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
- Satu (1) kes saringan tahanan lokap.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 19 kes**

- Sembilan (9) kes daripada Kluster Bah Bundle;
- Enam (6) kes daripada saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
- Tiga (3) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- Satu (1) kes saringan *sign off* kapal.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Lapan (8) kes**
 - Tiga (3) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: Sembilan (9) kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Buntar**; dan
 - Empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Lekir**.
- **Kedah: Tujuh (7) kes**
 - Enam (6) daripada Kluster Tembok; dan
 - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI).
- **Johor: Lima (5) kes**
 - Dua (2) kes daripada Kluster Simera;
 - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes saringan bergejala.
- **Melaka: Tiga (3) kes**
 - Dua (2) kes daripada Kluster Utama; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Buntar**; dan
 - Satu (1) kes daripada Kluster Selasih.

- **Negeri Sembilan: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Pahang: Satu (1) kes** *sign on* kapal.

Sehingga kini, terdapat **99 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **31 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **enam (6) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **176 kes** (0.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes kematian	Kes	Negeri	Jantina	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
171	11628	Sabah	Lelaki WN	66	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, kencing manis dan strok
172	15853	Sabah	Lelaki WN	72	Hospital Duchess of Kent	Penyakit jantung
173	18618	Sabah	Lelaki WN	39	Hospital Semporna	Strok

174	18616	Sabah	Perempuan WN	74	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, kencing manis dan penyakit buah pinggang
175	18617	Sabah	Lelaki WN	67	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, penyakit jantung dan strok
176	18676	WP Kuala Lumpur	Lelaki BWN	52	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Penyakit kencing manis, penyakit jantung, penyakit kulit psoriasis dan penyakit tulang belakang

* WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

TIGA (3) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **tiga (3) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1) KLUSTER LEKIR

Kluster baharu ini melibatkan daerah Manjung di negeri Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-17528) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti lima (5) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 16 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 144 individu telah disaring, di mana:

- Enam (6) kes dikesan positif COVID-19;
- Dua (2) individu negatif; dan
- 136 individu masih menunggu keputusan.

2) KLUSTER BUNTAR

Kluster baharu ini melibatkan Kuala Muda di negeri Kedah, daerah Kerian di negeri Perak dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-18035) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 15 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti tujuh (7) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 16 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 51 individu telah disaring, di mana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19; dan
- 43 individu masih menunggu keputusan.

3) KLUSTER MERBOK

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor dan Petaling di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-17983) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 9 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti lapan (8) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 16 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 270 individu telah disaring, di mana:

- Sembilan (9) kes dikesan positif COVID-19; dan
- 261 individu masih menunggu keputusan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.

- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM

akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

16 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 16 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	489	6,286
SELANGOR	50	3,014
W.P. KUALA LUMPUR	10 (2)	2,824
KEDAH	7	1,890
NEGERI SEMBILAN	1	1,096
JOHOR	5	834
SARAWAK	0	759
PULAU PINANG	33	402
PAHANG	1	387
PERAK	9	383
MELAKA	3	281
KELANTAN	0	173
TERENGGANU	0	157
W.P. PUTRAJAYA	2	123
W.P. LABUAN	19	111
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	629 (2)	18,758

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(16 Oktober 2020)**

	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	*BWN	Jumlah Kematian
1	Ramai-Ramai	Sabah	Sandakan	39	156	681	139 (0)	17	16	0
2	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	27	217	2,683	216 (0)	0	21	1
3	Kasih	Sabah	Lahad Datu	11	45	1,861	45 (0)	0	3	0
4	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan, Tuaran	9	1,040	16,449	232 (0)	807	390	1
5	Bah Bundle	WP Labuan, Johor	Labuan, Johor Bahru	9	17	494	16 (0)	1	1	0
6	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Larut	6	1,525	6,971	1,295 (9)	229	92	1

			Matang & Selama							
7	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran	5	94	2,315	77 (0)	16	0	1
8	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	5	28	530	28 (1)	0	5	0
9	Utama	Selangor, Melaka	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Alor Gajah	3	135	572	135 (0)	0	107	0
10	Jalan Meru	Selangor, Johor, Kelantan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang	Hulu Langat, Klang, Gombak, Petaling, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Johor Bahru, Kota Bharu, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras, Temerloh	3	107	1,004	54 (0)	53	1	0

11	Bestari	Sabah	Sandakan	3	23	55	17 (0)	6	0	0
12	Simera	Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Johor	Besut, Kuantan, Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak, Port Dickson, Manjung, Hilir Perak, Johor Bahru	2	33	549	32 (0)	1	2	0
13	Khazanah	Sabah	Lahad Datu	2	18	1439	18 (0)	0	0	0
14	Sungei Way	Selangor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras	1	33	251	32 (0)	1	0	0
15	Bah Manggis	Sabah, Selangor	Tawau, Kuala Langat	1	29	580	28 (0)	1	1	0
16	Tanamera	Sabah	Tawau	1	29	84	20 (0)	9	4	0
17	Selasih	WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Selangor, Johor,	WP Putrajaya, Sepang, Johor Bahru, Seremban	1	20	290	15 (0)	5	0	0

		Negeri Sembilan								
18	Kau Sing	Sabah	Tawau	1	16	52	10 (0)	6	4	0

***BWN = Bukan Warganegara**